

11 NOV 1997

Agong-Polis

POLIS PERLU TINGKAT MUTU PERKHIDMATAN DALAM MENANGANI BEBAN TUGAS

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Polis perlu memainkan peranan yang lebih luas serta meningkatkan mutu perkhidmatan pasukan dalam menangani beban tugas yang semakin bertambah dan mencabar, titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Menurut baginda tugas polis pada masa ini tidak hanya terbatas kepada membanteras jenayah, malah meliputi pelbagai tugas lain seperti membantu menangani gejala sosial, membanteras penyeludupan dan menangani masalah pendatang tanpa izin.

Selaras dengan beban tugas yang semakin mencabar itu, baginda yakin pucuk pimpinan pasukan polis sentiasa berusaha mencari jalan untuk meningkatkan lagi prestasi dan mutu perkhidmatan anggota dan pegawai dalam pasukan.

"Beta yakin dengan adanya pembaharuan yang diperkenalkan demi menyesuaikan diri dengan keadaan semasa, pasukan polis akan terus berupaya menyumbangkan khidmat yang cemerlang seiring dengan kemajuan negara," titah baginda pada majlis penganugerahan Panji-panji kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting.

Pada majlis itu, Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan Panji-panji Utama yang baru kepada PDRM.

Logo baru itu merupakan kepala harimau yang melambangkan kegagahan, keberanian dan semangat juang bagi menggantikan logo lama, kepala singa.

Baginda turut menganugerahkan panji-panji kepada 17 batalion di bawah sayap dan pemerintahan Pasukan Gerakan Am (PGA) yang dahulunya dikenali sebagai Pasukan Polis Hutan (PPH) dan Pasukan Gerakan Khas (PGK) yang merupakan percantuman dua unit yang dahulunya dikenali sebagai PPH 69 dan Unit Tindak Khas (UTK).

Panji-panji itu adalah melambangkan keyakinan penuh kerajaan serta rakyat jelata terhadap pasukan polis sebagai tonggak utama dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara, titah baginda.

Ini merupakan kali kedua penganugerahan Panji Utama dibuat sejak institusi kepolisian ditubuhkan di negara ini kira-kira 190 tahun lepas. Kali pertama penganugerahan panji-panji utama dibuat pada 11 Nov 1961 oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Jamalullail kepada Pasukan Polis Diraja Persekutuan. -- BERNAMA

SN oba